

**Transformasi
Kesehatan Wanita
ke Arah Kesejahteraan
Komuniti**



PROFESSOR DR. LATIFFAH A. LATIFF

Transformasi Kesihatan Wanita ke Arah Kesejahteraan Komuniti

Professor Dr. Latiffah A. Latiff
MD (UKM), MMED. Public Health (NUS), AMS

7 November 2014

Dewan Kuliah Utama
Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia



Universiti Putra Malaysia Press

Serdang • 2014

<http://www.penerbit.upm.edu.my>

© **Universiti Putra Malaysia Press**

First Print 2014

All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form without permission in writing from the publisher, except by a reviewer who wishes to quote brief passages in a review written for inclusion in a magazine or newspaper.

UPM Press is a member of the Malaysian Book Publishers Association
(MABOPA)

Membership No.: 9802

Typesetting : Sahariah Abdol Rahim @ Ibrahim

Cover Design : Md Fairus Ahmad

Design, layout and printed by

Penerbit Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8946 8855 / 8854

Fax: 03-8941 6172

<http://www.penerbit.upm.edu.my>

Kandungan

Abstrak	1
Pengenalan Kesihatan Awam dan Komuniti	3
Kesihatan Keluarga	5
Kesihatan Wanita	6
Dari Universiti ke Komuniti: Jintan Hitam dan Kesihatan Wanita	8
Dari Universiti ke Komuniti: Kanser dan Kesihatan Reproduksi Wanita	16
Pengembangan dan Perkhidmatan ke Arah Kemajuan Komuniti	17
Impak Terhadap Komuniti	23
Penutup	45
Rujukan	45
Biografi	53
Penghargaan	55
Senarai Syarahan Inaugural	57

ABSTRAK

Hambatan budaya, tanggapan yang kurang tepat mengenai penyakit, kurangnya kesedaran, malu dan rendah status ekonomi merupakan akar masalah yang dihadapi oleh wanita sepanjang hidup yang memberi kesan buruk terhadap kesihatan mereka. Status dan penjagaan diri wanita semasa kanak-kanak, remaja, dewasa dan usia tua mempengaruhi proses kesihatan serta kesejahteraan hidup. Jenis pemakanan, tahap pendidikan, pengambilan ubatan, sistem kesihatan yang tersedia dan hubungan kelamin mempengaruhi wanita dalam menjalankan peranannya sepanjang usia reproduksinya. Penemuan saintifik dari universiti kepada komuniti membantu meningkatkan tahap kesihatan wanita melalui pendedahan kepada pemakanan sihat dan berkhasiat termasuklah pemakanan sunnah seperti Jintan Hitam. Selaras dengan agenda memastikan tahap kesihatan keluarga berada di tahap optimum, wanita generasi hari ini dan akan datang perlu berilmu mengenai kepentingan penjagaan kesihatan sendiri dengan mengamalkan pemakanan sihat dan berkhasiat disamping melakukan pengesanan penyakit-penyakit kronik seperti kanser, kencing manis, darah tinggi dan lain-lain. Bagi memenuhi adat budaya timur dan kepercayaan agama, penerimaan dan keberkesanan suatu teknik pengambilan sendiri sampel tisu servik bagi pengesanan awal kanser servik telah dijalankan.

Pendekatan kesihatan awam merupakan salah satu alternatif penting untuk mendekati kepada komuniti dan populasi setempat bagi menilai dan mengenalpasti tahap kesihatan yang memenuhi keperluan pada masa kini. Sistem kesihatan seharusnya perlu mengenali dan memperhatikan masalah kesihatan wanita dalam keadaan dan keupayaan pada sesuatu tahap kehidupan yang akan mempengaruhi kualiti hidup sepanjang hayat. Pendekatan yang diterapkan adalah untuk memastikan pada setiap fasa kehidupan serta kesinambungan antara fasa kehidupan tersebut dapat ditangani

dengan baik pada masa kehidupan selanjutnya. Kajian melihat bahawa kurang kesedaran, sumber dan infrastruktur terutama di kawasan luar bandar telah membawa kepada kadar kesedaran yang rendah dan dengan itu kempen pemeriksaan kesihatan masyarakat secara berkala perlu dilaksanakan.

Penyebaran dan perkongsian maklumat kepada komuniti adalah medium terbaik untuk mengubah sikap, amalan gaya hidup serta meningkatkan kemahiran mereka untuk jangka masa yang panjang terhadap kesihatan pada masa hadapan. Untuk meningkatkan taraf kehidupan wanita dari setiap sudut fasa kehidupan keseluruhannya kajian telah dijalankan bagi mengurangkan risiko masalah penyakit reproduktif wanita seperti kanser serviks dan masalah berkaitan sindrom metabolik seperti obesiti, kencing manis dan lain-lain.

PENGENALAN KESIHATAN AWAM DAN KOMUNITI

Kesihatan Awam merupakan salah satu daripada cabang dunia perubatan yang menjurus kepada usaha untuk meningkatkan kesihatan manusia bermula diperingkat individu, keluarga, komuniti dan seterusnya sejagat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam definisinya mengatakan bahawa kesihatan awam adalah merujuk kepada semua langkah-langkah yang di anjurkan (sama ada di peringkat awam mahupun swasta) untuk mencegah pelbagai penyakit, menggalakkan peningkatan kesihatan yang baik menerusi aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan serta bagi memanjangkan hayat penduduk secara keseluruhannya.

Kesihatan awam memfokuskan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk menyediakan keadaan di mana seseorang itu boleh menjadi sihat dan sejahtera secara fizikal, mental dan spiritual. Tumpuan sasaran diberi kepada keseluruhan populasi penduduk tidak hanya kepada pesakit secara individu atau bukan pula meliputi penyakit tertentu sahaja. Berlainan dengan bidang perubatan kuratif yang merawat pesakit secara individu apabila seseorang sudah jatuh sakit, bidang kesihatan awam adalah berkaitan dengan keseluruhan sistem dalam satu-satu populasi dan tidak hanya memberi fokus kepada pembasmian penyakit tertentu.

Dengan merujuk kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ini, tiga fungsi kesihatan awam yang utama ialah:

1. Untuk mengenal pasti masalah kesihatan dan faktor keutamaan kesihatan melalui penilaian dan pemantauan kesihatan komuniti dan populasi yang berisiko.
2. Penggubalan dasar awam yang direka untuk menyelesaikan masalah kesihatan yang dikenal pasti di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa,

3. Untuk memastikan bahawa semua penduduk mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan yang sesuai secara kos efektif, selaras dengan status sosio-ekonomi, adat resam, kepercayaan, budaya dan amalan agama. Akses kesihatan ini bermula dari promosi kesihatan dan servis pencegahan penyakit, serta rawatan dan pemulihan penyakit kepada individu, keluarga, komuniti dan sejagat.

Tugas profesional kesihatan awam adalah memantau serta membuat diagnosis masalah kesihatan keseluruhan masyarakat, menggalakkan amalan tingkah laku yang sihat dan untuk memastikan bahawa penduduk kekal sihat. Antara usaha-usaha untuk memastikan keadaan kekal sihat ini adalah melalui kebersihan alam sekitar; kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit diperingkat individu, keluarga dan komuniti; promosi dan pendidikan kesihatan individu dalam prinsip-prinsip kebersihan diri meliputi tingkah laku, kelakuan dan amalan penjagaan kesihatan asas; perkhidmatan perubatan untuk mengenal pasti dan membuat diagnosis awal, langkah-langkah pencegahan penyakit; rawatan pencegahan penyakit dan rawatan pemulihan akibat kecacatan dan kehilangan fungsi, serta pembangunan jentera sosial yang akan memastikan setiap individu dalam masyarakat mencapai suatu taraf hidup yang boleh menjamin kesihatan dan kesejahteraan mereka. Antara tugas yang dijalankan oleh seseorang Doktor Pakar Perubatan Kesihatan Awam adalah seperti berikut:

1. Vaksinasi dan kawalan penyakit berjangkit.
2. Jagaan kesihatan ibu dan bayi sihat serta perancangan keluarga
3. Makanan yang sihat dan selamat.
4. Air minuman yang selamat.

5. Keselamatan jalanraya, kenderaan bermotor dan promosi situasi dan keadaan tempat kerja sihat dan selamat
6. Promosi pergerakan dan kecergasan fizikal bagi mencegah penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kanser.
7. Penurunan kematian akibat penyakit jantung koronari dan strok.
8. Pengiktirafan dan promosi tentang penggunaan tembakau adalah bahaya kepada kesihatan.
9. Promosi dan pendidikan kesihatan mental individu dan komuniti serta pengurusan stres.

KESIHATAN KELUARGA

Dalam bidang perubatan kesihatan awam dan komuniti, kesihatan keluarga merupakan komponen terpenting. Keluarga adalah aspek terpenting yang diberi penekanan terutama dalam penjagaan kesihatan secara keseluruhannya. Kesihatan seseorang ahli dalam unit keluarga memberi kesan kepada ahli-ahli lain dalam keluarga yang sama. Setiap keluarga bersifat unik, tidak sama dengan keluarga yang lain dan dipengaruhi oleh pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Sebagai pakar perubatan kesihatan awam dan komuniti, penulis berpeluang menimba ilmu dan berkongsi pegalamannya sepanjang tempoh perkhidmatan beliau samada di Kementerian Kesihatan Malaysia mahupun di Universiti Putra Malaysia. Komponen-komponen utama kesihatan keluarga termasuklah:

1. Kesihatan Ibu dan Anak
2. Kesihatan Remaja
3. Kesihatan Dewasa (Lelaki dan Wanita)
4. Kesihatan Reproduksi Wanita
5. Kesihatan Warga Emas
6. Kesihatan Mental Komuniti

7. Kualiti Kehidupan
8. Pemakanan dan Kesehatan Wanita Menopos dan Pesakit Alzheimer
9. Perubatan Alternatif
10. Pengesanan Kanser Wanita (Payudara, Serviks, Ovari)

KESIHATAN WANITA

Buku ini akan mengupas secara ringkas beberapa bidang kesihatan awam dalam aspek kesihatan reproduktif wanita, kesihatan warga emas, kualiti hidup dan kesejahteraan, serta supplemen pemakanan berasaskan herba bagi wanita menopos dan pesakit alzheimer. Penulis juga akan berkongsi pengalaman beliau di dalam penyelidikan berkaitan pengesanan kanser wanita yang kedua tertinggi di negara ini iaitu kanser serviks.

Kanser merupakan salah satu penyebab kematian manusia di seluruh dunia. Adalah dijangkakan 12.8% daripada populasi dunia menemui ajal disebabkan kanser. Sejak sedekad yang lalu, lebih daripada 5.3 juta lelaki dan 4.7 juta wanita telah mengidap tumor yang ganas dan seramai 6.2 juta dariada mereka telah mati akibat kanser tersebut. Bilangan kes kanser yang baru dijangka bertambah lebih dari 50% dalam jangkamasa 20 tahun yang akan datang sehingga dijangka mencapai 15 juta pada 2020.

Sebanyak 1,050,346 kes kanser payudara telah dilaporkan pada 2008. Sejumlah 372,969 daripada mereka telah mati di seluruh dunia akibat kanser payudara (Steward, 2008). Kanser payudara merupakan kanser yang paling kerap menyerang wanita di seluruh dunia. Kanser ini juga merupakan penyakit yang mengancam nyawa wanita. Mengikut ahli penyelidik Steward yang melaporkan sejak 10 tahun yang lalu, lebih 1 juta wanita di seluruh dunia menghidap

kanser payudara dan lebih daripada 400,000 wanita tersebut telah meninggal dunia (Steward, 2003). Kejadian kanser payudara mencatatkan 30.4% mendahului semua jenis kanser dalam kalangan wanita dari pelbagai kumpulan etnik di Malaysia pada 2002 dengan risiko kumulatif sepanjang hayat sehingga 1:19 (Lim, GC, 2003). Kadar insiden berdasarkan umur (*age standardized rate- ASR*) bagi kanser payudara dalam kalangan wanita Malaysia ialah 52.8 bagi setiap 100,000 penduduk (Lim, GC, 2003).

Statistik terkini daripada Pendaftaran Kanser Kebangsaan (NCR) menunjukkan kanser paru-paru adalah kanser yang paling utama dalam kalangan lelaki dengan peratusan 13.8 sementara kanser payudara adalah kanser paling kerap belaku dalam kalangan wanita iaitu sebanyak 31%.

Beberapa faktor gaya hidup seperti peningkatan berat badan, obesiti, pengambilan lemak dan kurang pergerakan jasmani merupakan faktor risiko mendedahkan seseorang wanita mendapat kanser. Wanita yang berlebihan berat badan selepas putus haid atau menopause didapati berisiko lebih tinggi mendapat kanser payudara berbanding sebelum menopause. Obesiti dan pemakanan yang kaya dengan daging, produk tenusu, lemak dan alkohol didapati lebih meningkatkan risiko untuk mendapat kanser payudara. Sebaliknya pengambilan makanan mengandungi serat yang tinggi seperti di dalam buah-buahan dan sayuran yang kaya dengan anti oksidan dan *phytoestrogen* didapati menurunkan risiko mendapat kanser payudara (Farah, Begum, 2003).

DARI UNIVERSITI KE KOMUNITI: JINTAN HITAM DAN KESIHATAN WANITA


Habbatus Sauda, Khazanah Alam

Tumbuh-tumbuhan telah menjadi sumber utama pemakanan dan penjagaan kesihatan bagi manusia dan juga haiwan¹. Daripada tumbuh-tumbuhan ini, terhasil ubat-ubatan herba yang digunakan oleh manusia sejak beribu-ribu tahun dahulu untuk merawat penyakit yang bersifat penawar untuk menyihatkan tubuh badan secara mental dan fizikal keseluruhannya. Beberapa tahun kebelakangan ini, minat terhadap terapi alternatif dan penggunaan produk terapeutik semula jadi, terutamanya yang berasal daripada tumbuh-tumbuhan semakin meningkat secara drastik, bukan saja di Malaysia, malah diseluruh dunia. Walaupun perkembangan ke arah penghasilan ubat sintetik dan penggunaan ubat-ubatan moden semakin meningkat, ubat-ubatan yang berasaskan tumbuhan yang diambil secara tradisional masih memainkan peranan yang penting di dalam dunia perubatan (Newman and Cragg, 2007). Lapan puluh peratus daripada penduduk dunia menggunakan ubat berasaskan tumbuhan sebagai kaedah utama mereka menjaga kesihatan. Pasaran dunia ubat-ubatan herba berdasarkan pengetahuan tradisional dianggarkan bernilai USD 60 ribu million.

Salah satu tumbuhan khazanah alam yang amat berharga sejak ribuan tahun dahulu adalah *Nigella sativa* (*black seed*) atau lebih dikenali sebagai Habbatus Sauda, Jintan Hitam dan beberapa nama lain yang umum. Biji jintan hitam yang diperolehi daripada pokok berbunga ini telah diguna pakai oleh orang-orang yang tinggal di Timur Tengah, Afrika dan Asia sejak berkurun lamanya bagi tujuan kesihatan dan meningkatkan daya tahan tubuh bagi melawan penyakit. Ia merupakan tumbuhan tahunan yang tergolong dalam

keluarga botani *Ranunculaceae* (Saad, 1975) (Rajah 1 A, B) dan biasanya tumbuh dengan mudah di Benua Eropah, Timur Tengah dan Asia Barat. Ia tumbuh dengan ketinggian 17 hingga 24 inci dan boleh mencapai ketinggian maksimum pada musim-musim tertentu. *Nigella sativa* (NS) biasanya digunakan sebagai ubat tradisional di negara-negara Arab (Sayed, 1980), benua kecil India dan Eropah (Nadkarni, 1976), untuk pelbagai tujuan terapeutik seperti tujuan meningkat daya imun tubuh badan (Boskabady *et al.*, 2011), anti-bakteria (Zaoui *et al.*, 2000), anti-tumor (Turkdogan *et al.*, 2001), diuretik dan hipo dan hipertensif (Kanter *et al.*, 2003), menghalang dan membaik pulih gen dan DNA (genoprotective) (Babazadeh *et al.*, 2012), perlindungan sel hepar dan anti-diabetes (Kanter *et al.*, 2003), mempunyai aktiviti sebagai bronkodilator (Boskabady *et al.*, 2011) dan menghasilkan aktiviti yang bersifat estrogenik (Parhizkar *et al.*, 2011). Ibnu Sina di dalam penulisan risalah perubatannya, *The Canon of Medicine* telah mencatatkan bahawa biji jintan hitam bukan sahaja boleh merangsang tenaga untuk tubuh badan manusia tetapi juga boleh membantu memulihkan masalah keletihan yang melampau. Komposisi fitokimia biji jintan hitam mengandungi lebih daripada 100 zat penting yang terdiri daripada komposisi karbohidrat, protein, vitamin A, B1, B2, B3, C, lemak penting dan vitamin C. yang berupaya untuk meningkatkan kesihatan secara umum. Komposisi kimia minyak tetap (dari sejumlah komposisi asid lemak) yang diekstrak dan minyak mudah meruap (volatile oil) *Nigella sativa* L. yang ditanam di Iran telah ditentukan dengan menggunakan kaedah GC dan GC / MS. Lapan asid lemak dengan peratusan 99.5% dan 32 sebatian dengan peratusan 86.7% telah dikenal pasti bagi kedua-dua jenis minyak yang telah ditentukan.

Rasulullah bersabda : “Tidak ada satupun penyakit melainkan di dalam habbatus sauda’ terdapat kesembuhan baginya, kecuali kematian.” (HR. Muslim)



Rajah 1 A, Bunga *Nigella sativa*, B, Biji

Jadual A Komposisi asid lemak *Nigella sativa* L.

Asid Lemak	RT	Peratusan
Asid Laurik	4.68	0.6
Asid Myristik	5.91	0.5
Asid Palmitik	7.48	12.5
Asid Stearik	9.37	3.4
Asid Oleik	9.79	23.4
Asid Linoleik	10.52	55.6
Asid Linolenik	11.95	0.4
Asid Eikosadienoik	12.71	3.1
Jumlah asid lemak		99.5

Kesan Habbatus Sauda ke atas Kesihatan

Toksisiti

Sejak 1970 hingga 2001, kira-kira 530 kajian telah dijalankan ke atas biji jintan hitam dan daripada sejumlah itu, hanya 3.4% penyelidik menyatakan kebimbangan mengenai kesan ketoksidannya ke atas manusia (Anwar, 2005). Satu kajian menunjukkan *Nigella sativa* yang diekstrak mempunyai ketoksidan yang rendah dengan bukti nilai yang tinggi bagi LD50 bagi sebarang perubahan morfologi melalui hasil kajian terhadap haiwan makmal iaitu dari pemeriksaan pada jantung, hati, buah pinggang dan tisu pankreas bagi tikus yang dirawat (Al Mofleh *et al.*, 2008). Terdapat pelbagai kajian yang membuktikan kesan *Nigella sativa* dalam menghalang kerosakan hati (*hepatoprotective/ antihepatoksisiti*) (Al-Ghamdi, 2003; Ilhan *et al.*, 2005) dan kebolehan ekstrak merawat kesan kerosakan hati yang ringan (*hepatotoxicity*) pada haiwan kajian (Ezzat and Daly, 1994). Walaupun biji jintan hitam kini dikomersialkan sebagai makanan tambahan, penggunaannya dalam bentuk mentah masih popular. Kebanyakan penggunaannya masih pada dos yang rendah kerana kesan yang masih tidak diketahui jika menggunakannya pada dos yang tinggi.

Bagi menguji kesan ketoksidan habbatus sauda, ujian dibuat ke atas tikus *Sprague Dawley* yang diberikan palet yang mengandungi kadar dos habbatus sauda yang berbeza mengikut perbandingan kadar pengambilan sebenar manusia.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan keracunan *Nigella sativa* terhadap fungsi hati melalui penilaian *Alanin aminotransferase* (ALT) dan *Aspartate aminotransferase* (AST) pada hati. ALT adalah enzim yang biasanya wujud dalam sel-sel hati dan jantung. Apabila hati atau jantung rosak, ALT dalam darah akan meningkat, dan dengan itu ia merupakan petunjuk kerosakan

hati dan kecederaan jantung. Semasa kecederaan pada peringkat sel hati (*hepatoselular*), enzim yang biasanya terletak di sitosol dilepaskan ke dalam aliran darah. Kehadiran enzim ini di dalam plasma adalah sebagai penunjuk biomarker yang berguna bagi mengesan tahap dan jenis kerosakan ALT (Pari and Murugan, 2004). Kerosakan pada sel hati dan tahap AST digunakan untuk menilai kekuatan tisu hati. ALT kebanyakannya terdapat dalam hati manakala AST biasanya terdapat dalam jumlah yang sama di hati, jantung, otot, buah pinggang dan otak. Oleh itu, ALT adalah indikator lebih khusus untuk hati berbanding dengan AST. Julat normal untuk kedua-dua ALT dan AST dalam manusia adalah 25 U / L hingga 50 U / L.21.

Dari kajian biokimia yang telah dibuat, ia menunjukkan bahawa dos rawatan (dos rendah 0.01 g berat / kg badan, dos normal 0.1 g / kg berat badan dan tinggi dos 1.0 g / kg berat badan) suplemen *Nigella sativa* mengurangkan kehadiran enzim hati (ALT dan AST) pada tikus yang dirawat berbanding sekumpulan tikus lain sebagai ujian kawalan perbandingan. Walau bagaimanapun, tidak ada perbezaan yang signifikan di antara jumlah dos yang berbeza. Pertambahan berat badan bagi tikus yang dirawat mungkin mempunyai kaitan dengan enzim hati (ALT dan AST).

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa suplemen *Nigella sativa* yang diberikan selama 28 hari kepada tikus berkenaan tidak mengubah parameter biokimia bagi fungsi hati. Ia dibuktikan oleh perubahan ketara serum ALT dan AST bagi kumpulan tikus yang diuji berbanding dengan kumpulan tikus kawalan perbandingan. Keputusan ini juga disahkan melalui pemerhatian patologi dan penilaian histologi bagi sel tisu hati yang diambil daripada tikus yang diuji tersebut. Kajian ini juga telah mendapati bahawa berat badan tikus yang diuji sama ada tikus daripada kumpulan uji kaji mahupun kawalan perbandingan kekal dan mempunyai status kesihatan yang baik.

Kesan Positif Habbatussauda ke atas Sindrom Metabolik: Anti-Diabetis, Anti-Kolesterol dan Menurunkan Berat Badan

Bagi wanita yang mengalami situasi pra-menopos dan menopos, kadar hormon estrogen di dalam badan akan semakin berkurangan menyebabkan kitaran haid semakin jarang berlaku. Proses ini juga akan diiringi oleh kenaikan berat badan secara beransur-ansur. Perubahan kepada peningkatan berat badan ini seakan menjadi penanda aras untuk kesihatan wanita (Schneider *et al.*, 2006) kerana ia boleh membawa kepada kesan *hiperlipidemia*, peningkatan kadar lemak di dalam badan dan perubahan dalam kepekatan gula dalam darah. Fenomena ini mempunyai kaitan dengan penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis jenis II, arteriosklerosis dan sindrom metabolik (Kopelman, 2000; Spiegelman and Flier, 2001). Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mencegah pertambahan berat badan yang berlaku seiring dengan pengurangan hormon menjelang usia yang semakin meningkat.

Obesiti adalah satu penyakit endemik yang telah menjadi seperti wabak di seluruh dunia. Ia berkait rapat dengan pelbagai masalah kesihatan, antara yang paling relevan adalah dyslipidemia (Fried *et al.*, 2008), kencing manis (Pagotto *et al.*, 2006), penyakit kardiovaskular (CV) seperti kegagalan jantung (HF) dan jantung koronari penyakit (CHD) (Lavie *et al.*, 2008). Pada masa kini terdapat peningkatan permintaan untuk menggunakan tumbuh-tumbuhan dalam terapi bagi mengurangkan pelbagai penyakit kronik dengan menggunakan bahan semula jadi dan bukannya menggunakan dadah sintetik yang mungkin mempunyai kesan mudarat kepada kesihatan. Tumbuhan ubatan tradisional selalunya lebih murah, mudah didapati dan mudah disediakan (Houcher *et al.*, 2007).

Anti-diabetis

Kajian eksperimen telah dijalankan untuk melihat kesan *Nigella sativa* ke atas pelbagai parameter klinikal dan biokimia berkaitan metabolisme bagi sindrom putus haid menggunakan model tikus yang menyerupai sindrom awal menapos setelah ovarinya dibuang (OVX). Hasil kajian menunjukkan bahawa tikus OVX yang diberi pemakanan tambahan sebanyak 300 dan 600 mg / kg sehari dengan *Nigella sativa* menyebabkan pengurangan ketara bagi kandungan glukosa darah semasa sepuluh hari yang pertama dan kemudian gula dalam masih darah kekal stabil sehingga akhir eksperimen.

Penurunan Berat Badan

Kajian ini juga mendedahkan bahawa ekstrak metanol dan minyak komersial *Nigella sativa* mampu untuk membantu kehilangan berat badan (Labhal *et al.*, 1997) di mana ia membantu mengurangkan selera makan. Kesan pengurangan berat badan ini berkait rapat dengan peranan dan tindakan *Nigella sativa* terhadap metabolisme lipid. Kesan perubahan ini adalah seiring dengan perubahan metabolisma dalam plasma insulin, yang mencadangkan mekanisme insulin-pengantara tindakan (*insulin-mediated mechanism of action*) (Othman *et al.*, 2009). Pengurangan lipid serum dan penurunan tahap glukosa mungkin disebabkan oleh kesan pengurangan pengambilan makanan yang juga disebabkan oleh pengambilan ubat-ubatan.

Anti-kolesterol

Berdasarkan kepada kajian lain sebelum ini, biji jintan hitam telah diakui mempunyai kesan dalam penurunan kolesterol yang efisien. Dalam kajian di atas juga, didapati bahawa biji jintan hitam ini mempunyai pengaruh terhadap profil lipid pada tikus OVX yang

diuji apabila ia menyebabkan kesan kepada penurunan jumlah kolesterol, trigliserida dan LDL.

Kesan Estrogenik kepada Wanita Menopos dan Reproduktif Wanita

Menopos adalah keadaan di mana pada satu tahap umur kehidupan wanita, perubahan hormon yang berlaku di dalam badan akan menyebabkan kitaran haid wanita tersebut terhenti daripada tugas alaminya. Menopos ini menjadi petunjuk bahawa seseorang wanita itu telahpun melepasi usia pertengahan hidup biologinya di mana terdapat perubahan-perubahan fisiologi tubuh badannya. Pada usia wanita tersebut antara 15 ke 35 tahun, ianya dikenali sebagai kitaran tahun bagi reproduktif yang aktif manakala usia yang dikatakan pada peringkat pra-menopos dan menopos adalah sekitar umur 45 hingga ke 55 tahun. Walau bagaimanapun, bermula usia 35 sehingga 65 tahun merupakan tahun permulaan bagi simptom pra-menopos mula berfungsi.

Kajian Praktikal

Satu kajian praktikal dibuat dalam kalangan wanita Melayu di Mukim Rawang oleh penulis untuk menguji kesan pemakanan biji jintan hitam ke atas kandungan gula dan lemak di dalam badan wanita yang berusia diantara 45 tahun ke 65 tahun. Sepanjang tempoh kajian selama 26 minggu, seramai 69 wanita yang mengalami simptom pra-menopos dan pos-menopos telah diberi 1600 mg kapsul yang mengandungi serbuk biji jintan hitam yang asli tanpa campuran. Hasil daripada kajian yang dibuat, pengambilan kapsul serbuk biji jintan hitam ini menunjukkan peningkatan yang signifikan kepada indeks jisim badan (*BMI*), jumlah kolesterol, HDL, kreatinin, jumlah bilirubin dan tekanan darah jika dibandingkan kepada keadaan sebelum pengambilan.

Hasil ini mencadangkan bahawa biji jintan hitam ini mempunyai kesan perlindungan dan terapeutik untuk memanipulasi berat badan, menambah baik profil lemak dan gula dalam darah. Untuk menambah baik kesan yang tidak diingini daripada sindrom metabolik semasa menapos


DARI UNIVERSITI KE KOMUNITI: KANSER DAN KESIHATAN REPRODUKTIF WANITA

Pengesanan Awal Kanser Wanita, Satu Usaha Berterusan

Walaupun ujian pap smear merupakan kaedah saringan awal yang berkesan untuk kanser pangkal rahim, kadar wanita yang menjalani pemeriksaan ini adalah sangat rendah. Kadar pemeriksaan yang rendah di kalangan rakyat Malaysia ini adalah disebabkan oleh agihan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar dan bandar yang tidak saksama, kekurangan pengetahuan dalam kalangan wanita akan pentingnya menjalani pemeriksaan awal kanser, kesukaran bagi wanita ini untuk menghadirkan diri ke pusat-pusat yang menawarkan ujian pap smear, adanya perasaan malu, takut didiagnos kanser dan kurangnya atau rendahnya sokongan keluarga. Teknik persampelan sendiri mungkin dapat mengatasi masalah ini. Kajian ini telah dijalankan ke atas 258 komuniti wanita dari kawasan kediaman di bandar dan luar bandar yang mengambil bahagian dalam kempen kesihatan yang diadakan di negeri Selangor. Melalui kajian ini, setiap wanita perlu mengambil sampel serviks dengan menggunakan alat persampelan sendiri yang dikenali sebagai Cervisafe®. Wanita yang terlibat tidak perlu hadir ke klinik untuk diperiksa oleh doktor melalui kaedah persampelan konvensional pap smear iaitu menggunakan berus. Sebaliknya, alat Cervisafe® ini amat mudah digunakan di mana wanita hanya perlu memasukkan

alat tersebut ke dalam vagina dan memusingkan tombol kecil pada alat tersebut untuk mendapatkan calitan sel daripada pangkal rahim. Sampel yang diperolehi tersebut terus dihantar ke makmal untuk diuji bagi sebarang perubahan sel (sitologi) serta pengesanan DNA virus *Humanpapilloma* yang boleh menyebabkan kanser serviks.

Keputusan kajian menunjukkan Cervisafe® mempunyai kualiti yang baik setanding dengan kaedah konvensional yang dilakukan oleh doktor bagi pengesanan HPV yang berisiko tinggi dan berisiko rendah. Selain itu kajian ini memberikan bukti bahawa Cervisafe® mungkin boleh digunakan sebagai alat persempelan sendiri untuk mengumpul sel pangkal rahim terutamanya dalam kalangan wanita menopause bagi tujuan saringan awal kanser.



Rajah 2 Alat persempelan sendiri Cervisafe®

PENGEMBANGAN DAN PERKHIDMATAN KE ARAH KEMAJUAN KOMUNITI

Pembangunan Komuniti

Komuniti merupakan satu medium yang baik bagi sesebuah institusi mencurahkan sumbangannya sama ada dalam bentuk kepakaran, pemindahan ilmu, kemahiran dan peningkatan pengetahuan dalam sesuatu bidang. Setiap komuniti mempunyai karakter yang berbeza (Hashagen, 2002). Ia mungkin mengikut saiz populasi,

kedudukan atau lokasi, sejarah dan amalan budaya, profil sosio-ekonomi, struktur komuniti dan lain-lain faktor lagi. Pembangunan komuniti dapat dilihat sebagai satu proses dalam menguruskan dan menyokong sesuatu populasi komuniti dalam mengenal pasti permasalahan, merancang, bertindak melalui strategi tertentu dan juga saluran berkomunikasi dalam menangani isu yang dihadapi (Voyle, 1999). Pembangunan komuniti dapat dicapai melalui aktiviti bersifat pengembangan dan penglibatan masyarakat melalui pemindahan ilmu yang dijalankan.

***Community Engagement* : Elemen dan Isu Berkaitan**

Pelbagai pihak atau institusi mendefinisikan *community engagement* dalam pelbagai istilah. Secara keseluruhannya, *community engagement* adalah satu proses memperkasakan masyarakat melalui amalan aktiviti yang telah dirancang secara strategik. Proses ini melibatkan sistem governans dan sistem komuniti melalui pelbagai peringkat dan lapisan. Ada juga pendapat yang menggunakan istilah lain seperti penglibatan komuniti, konsultansi komuniti, penyertaan komuniti dan lain-lain lagi (Hashagen, 2002). *Community engagement* merupakan satu bentuk medium yang sangat berkesan untuk membawa sesuatu perubahan yang mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Pengaktifan komuniti turut berupaya melonjakkan tahap pembangunan sesuatu komuniti. Biasanya, aktiviti komuniti ini melibatkan usahasama/kerjasama beberapa pihak lain selain daripada wakil komuniti itu sendiri. Penglibatan institusi lain adalah seperti badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan dan industri korporat sebagai antara salah satu tanggungjawab sosial korporat mereka.

Suatu program atau aktiviti itu dirancang dan dilaksanakan kepada masyarakat meliputi pelbagai bidang seperti kesihatan, persekitaran, pendidikan, penyelidikan, teknologi, pembangunan

ekonomi dan keusahawanan, pembangunan keluarga, kebajikan dan lain-lain lagi. Tidak kira bidang apa yang diusahakan namun apabila ia melibatkan proses *community engagement*, ia akan melibatkan transformasi kepakaran, kemahiran dan pengetahuan di antara ahli komuniti dengan pihak penganjur. Terdapat beberapa elemen yang perlu dititikberatkan dalam menjalankan sesuatu program komuniti (Voyle, 1999; Goulding, 2009; Lavery *et al.*, 2010; *Best Practices in Measuring University-Community Engagement*, n.d. Antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Pembangunan, perancangan pelaksanaan dan penilaian program
2. Tahap penglibatan peserta
3. Usahasama dan penglibatan agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan
4. Kepercayaan dan manfaat bersama
5. Hasil dan impak

Sebelum menjalankan inisiatif pembangunan komuniti, kita harus memikirkan tentang keperluan masyarakat di mana program yang akan kita laksanakan itu merupakan sesuatu yang amat diperlukan oleh masyarakat. Keperluan masyarakat ini boleh dinilai melalui permasalahan semasa, penyebaran maklumat atau melalui minat bersama. Kita tidak boleh mengambil mudah dengan memaksa penglibatan masyarakat terhadap aktiviti yang dirancang tanpa melibatkan ahli-ahli komuniti tersebut. Sebaliknya, pemahaman dan persetujuan bersama perlu diperolehi sebelum sesuatu program itu dibuat. Setelah dinilai dari segi matlamat dan kepentingan bersama, barulah perancangan dan pelaksanaan program secara bersama boleh dijalankan. Input yang diberikan kepada masyarakat perlulah disalurkan kepada ketua komuniti adalah amat penting selari dengan pendekatan yang digunakan bagi mencapai misi dan objektif program tersebut. Perlu diingat bahawa pendekatan

yang diguna pakai untuk menjalankan program komuniti ini tidak semestinya digunakan untuk program yang sama untuk tempat yang berbeza. Perancangan untuk aktiviti komuniti tidak menggunakan pendekatan ‘satu acuan untuk semua’ (Hashagen, 2002). Model *engagement* yang digunakan untuk komuniti sekitar pusat bandar mungkin tidak sama dengan komuniti di pedalaman. Model yang sama tidak sesuai digunakan untuk kawasan yang sama. Misalnya, model yang berjaya digunakan untuk komuniti di Felda Air Tawar, Kota Tinggi mungkin tidak sesuai digunakan di Felda Chiku, Gua Musang walaupun ia digunakan untuk kawasan Felda. Hal ini kerana setiap kumpulan komuniti itu unik dan berbeza antara satu dengan lain.

Sepanjang proses menjalankan aktiviti melibatkan komuniti, terdapat beberapa pihak yang mengalami cabaran dalam mencapai kejayaan. Antara isu atau cabaran utama yang telah dikenal pasti adalah:

1. Masalah kewangan
2. Kurang kredibiliti untuk memberi input
3. Hasil berimpak tinggi
4. Jangkaan komuniti

Masalah Kewangan

Dalam melaksanakan program kemasyarakatan, keperluan dan perancangan bajet amat diambil kira (Winter *et al.*, 2006; Begun *et al.*, 2010). Keperluan bajet ini merangkumi keperluan teknikal, logistik, kos perjalanan, percetakan, dan pelbagai lagi yang memerlukan bajet yang banyak bagi memastikan kejayaan program. Namun peruntukan kewangan bagi menjalankan program komuniti ini agak terhad untuk diperolehi. Sumber kewangan daripada sektor kerajaan atau industri korporat yang terhad ini merupakan cabaran yang besar untuk dihadapi.

Kurang Kredibiliti untuk Memberi Input

Komuniti mempunyai jangkaan atau harapan apabila menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti ini. Mereka mengharapkan perubahan baik dari segi pengetahuan, kemahiran ataupun sikap. Kepercayaan daripada komuniti terhadap kredibiliti kita dalam menyampaikan input adalah sangat penting. Dan kerana itulah sifat kepercayaan dan manfaat bersama merupakan salah satu indikator yang penting dalam melaksanakan aktiviti *community engagement* ini. Mekanisme yang digunakan dalam penyampaian maklumat kepada orang awam haruslah tepat, konsisten dan memberi keyakinan kepada mereka untuk menerima maklumat tersebut. Langkah ini adalah sebagai salah satu jalan untuk membina keyakinan komuniti dan menggalakkan penglibatan mereka. Sebagai institusi yang menganjurkan program komuniti atau pengembangan, kita harus juga memahami budaya dan sejarah komuniti di kawasan masyarakat yang bakal kita libatkan.

Kadangkala, percanggahan antara budaya mereka dengan pendekatan yang kita gunakan akan menghilangkan kepercayaan masyarakat terhadap kita. Sebagai contoh sekiranya kita sedang mempromosikan kesihatan wanita khusus untuk penjagaan sistem reproduktif wanita terhadap wanita-wanita di Kelantan luar bandar, mereka lebih cenderung untuk lambat menerima atau tidak menerima langsung input dan maklumat yang cuba kita sampaikan. Hal ini disebabkan kerana budaya dan amalan mereka yang malu atau mempunyai persepsi yang berbeza disebabkan perbezaan tahap dan akses kepada pendidikan, sifat keterbukaan, dan perbezaan bahasa dan budaya. Pendekatan yang digunakan mestilah bersesuaian dengan kawasan populasi tersebut.

Hasil Berimpak Tinggi

Banyak pihak yang seringkali mengabaikan hasil capaian dan penilaian terhadap program yang telah dijalankan. Penilaian dan keberhasilan program yang berimpak tinggi perlu dijadikan antara salah satu komponen utama dalam memastikan program yang telah dijalankan adalah efektif. Apa yang berlaku sebelum dan selepas program adalah perkara penting yang boleh dijadikan alat pengukur bagi kejayaan sesuatu program. Berikut merupakan komponen-komponen yang boleh dijadikan pengukur dalam menilai keberkesanan program:

1. Kadar penglibatan komuniti
2. Pencapaian objektif program
3. Tahap perubahan terhadap pemindahan ilmu
4. Kemampanan program

Penilaian juga perlu dibuat bagi menambah baik keperluan program dan kepelbagaian strategi. Melalui proses ini, kita mampu mencari alternatif lain yang lebih membawa kepada pembangunan komuniti secara berkesan. Hasil yang berimpak tinggi harus dilihat bukan sahaja kepada komuniti yang terlibat, tetapi kepada pembelajaran dalam memberikan perkhidmatan kepada komuniti yang telah dipraktikkan oleh jawatankuasa yang terlibat. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan sukarelawan dan mahasiswa yang berpeluang menyertai aktiviti khidmat komuniti. Sesebuah institusi mengukur dari segi nilai ekonomi bagi sesebuah program dengan mengambil kira kos yang tidak mempunyai nilai wang seperti masa yang telah diperuntukkan oleh jawatan kuasa dan kos bayaran untuk merekrut staf atau sukarelawan yang bertugas sepanjang tempoh program (*full time equivalent*, FTE). Kaedah ini digunakan bagi mengukur sejauh mana keberhasilan impak program tersebut.

Jangkaan Komuniti

Berdasarkan perancangan strategik program, kedua-dua pihak samada penganjur atau pihak komuniti mengharapkan pulangan yang positif dan lonjakan paradigma dapat dicetuskan dalam suatu organisasi peringkat komuniti. Komuniti yang mempunyai semangat dalam membangunkan populasi mereka mengharapkan jangkaan yang tinggi hasil daripada program yang telah dijalankan. Masyarakat mengharapkan input yang disampaikan boleh digunakan oleh mereka pada masa akan datang sebagai makluman dan tindakan mereka sebagai agen penyebaran kepada orang populasi komuniti yang lain. Dalam jangka masa yang panjang, perubahan sikap dan peningkatan kemahiran dapat menjadikan komuniti itu membangun melalui proses perkongsian maklumat. Kaedah perkongsian maklumat mungkin berbeza-beza mengikut corak organisasi di komuniti tersebut. Dalam aktiviti melibatkan masyarakat, mereka mengharapkan aktiviti sebegini mampu dijadikan medium sebagai akses kepada pihak penganjur samada badan kerajaan atau lain-lain dalam mendapatkan input. Proses ini akan dapat membina pembangunan komuniti, rasa tanggungjawab dan memperkasakan komuniti tempatan.

IMPAK TERHADAP KOMUNITI

Program yang efektif meninggalkan impak yang tinggi terhadap komuniti yang terlibat. Melalui program *community engagement*, impak yang mungkin dapat dilihat terhadap masyarakat adalah:

1. Meningkatkan akses kepada penganjur sama ada badan kerajaan atau tidak. Aktiviti jaringan komuniti yang terbentuk memudahkan maklumat disampaikan kepada komuniti untuk penyebaran maklumat kepada yang lain.

2. Perubahan dari segi ilmu pengetahuan komuniti, kemahiran dan sikap serta mendapat penerangan yang jelas tentang mitos atau maklumat yang kurang tepat melalui pemindahan ilmu.
3. Sifat keterbukaan dari segi penglibatan sesama komuniti termasuk dalam proses membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan aktiviti, perkongsian dan penjanaan idea demi pembangunan kesejahteraan sejagat.
4. Memperkasakan komuniti dan struktur organisasi komuniti ke arah mencapai potensi kepimpinan yang maksima.

AMALAN AKTIVITI PENGEMBANGAN KE ARAH KEMAJUAN KOMUNITI

Sepanjang perkhidmatan ini, pelbagai aktiviti kemasyarakatan sama ada anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) atau agensi lain telah penulis libatkan. Penulis berbesar hati untuk berkongsi antara aktiviti yang telah melibatkan sukarelawan UPM, pelajar UPM dan tentunya komuniti di pelbagai bentuk kawasan sama ada pedalaman, pinggir bandar atau bandar. Antaranya adalah:

- 1) Kem Kesihatan dan Hari Terbuka Bersama Pakar, 2011

Tarikh	12-13 November 2011
Tempat	Masai, Johor
Tetamu Kehormat	Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia selaku Ahli Parlimen Pasir Gudang.
Objektif	Memperkasakan penglibatan komuniti untuk penjanaan dan perkongsian ilmu dengan menjalankan perkhidmatan perubatan primer dan pakar kepada masyarakat bandar yang berpendapatan rendah.

Golongan sasar	Komuniti sekitar Pasir Gudang.
Aktiviti	Pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan mata, kaunseling pemakanan, pemeriksaan payudara, ceramah, saringan kanser pangkal rahim, klinik ibu hamil, saringan dan pemeriksaan kanak-kanak, saringan dan kaunseling kesihatan remaja, ceramah menangani stress, klinik pencegahan merokok, kaunseling pencegahan dadah, pameran kesihatan.
Impak	<ol style="list-style-type: none">1700 penyertaan komunitiMemberi peluang pakar dan pelajar perubatan serta sekumpulan staf sokongan dari UPM berinteraksi dengan masyarakatMeningkatkan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan yang dapat meningkatkan tahap kualiti hidup peserta



Transformasi Kesehatan Wanita Ke Arah Kesejahteraan Komuniti



Latiffah Latiff



Transformasi Kesihatan Wanita Ke Arah Kesejahteraan Komuniti

2) Program Anak Angkat Remaja Sihat 1Malaysia, Pasir Gudang
(Paras 2012)

Tarikh	24-27 Mei 2012
Tempat	Pasir Gudang, Johor
Tetamu Kehormat	Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
Objektif	Meningkatkan kesedaran, memupuk persepsi dan tingkah laku positif bagi mencegah masalah penagihan dadah, merokok, jenayah remaja, vandalism, buli, seks bebas, ponteng sekolah dan lain-lain bagi meningkatkan kualiti hidup remaja sekitar Pasir Gudang
Golongan sasaran	Komuniti Pasir Gudang
Aktiviti	Ceramah motivasi, pameran kesihatan, sukaneka, forum, ceramah agama, acara kebudayaan
Impak	<ol style="list-style-type: none">Peserta dapat mengetahui tentang pencegahan penyakit akibat tatakelakuan berisiko.Meningkatkan tahap pengetahuan peserta ke arah pengendalian dan penjagaan yang terbaik golongan remaja supaya mereka mencapai pengembangan fizikal, psikologi, minda, sahsiah dan kualiti hidup baik.



Transformasi Kesehatan Wanita Ke Arah Kesejahteraan Komuniti



3) Misi Sukarelawan Siswa Membantu Mangsa Banjir (Perubatan),
Kuantan Pahang, 2013

Tarikh	9-11 Disember 2013
Tempat	Kuantan, Pahang
Tetamu Kehormat	Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II Malaysia.
Objektif	Membantu mangsa-mangsa banjir dari segi kaunseling, keperluan harian dan pemeriksaan kesihatan.
Golongan sasar	Komuniti berhadapan masalah banjir sekitar Kuantan.
Aktiviti	Pemeriksaan kesihatan, pengagihan barang keperluan dan ubat-ubatan, sesi nasihat dan kaunseling, pembersihan kawasan rumah penduduk.
Impak	Membuktikan keprihatinan UPM dalam membantu masyarakat yang memerlukan dan dalam kesusahan Pelajar-pelajar perubatan UPM diberi pendedahan untuk menimba pengalaman dan mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari secara teori



Transformasi Kesehatan Wanita Ke Arah Kesejahteraan Komuniti



4) Karnival Sukarelawan KPT Bersama Komuniti Permas Jaya, 2013

Tarikh	1 Mei 2013
---------------	-------------------

Tempat	Flat Taman Permas Jaya, Pasir Gudang
---------------	--------------------------------------

Objektif	Memberi kesedaran dan maklumat tentang penyakit kanser melalui bahan pameran, bacaan dan ujian pap smear serta mempromosikan CaRE kepada komuniti sekitar Permas Jaya, Pasir Gudang
-----------------	---

Golongan sasaran	Komuniti sekitar Permas Jaya, Pasir Gudang
-------------------------	--

Aktiviti	Pameran kesedaran kanser, demonstrasi pemeriksaan sendiri payudara (BSE), promosi CaRE dan pameran buku-buku terbitan CaRE
-----------------	--

Impak	<ol style="list-style-type: none">122 orang pengunjungPeserta dapat menjalankan pemeriksaan sendiri payudara di rumahPeserta sedar akan kepentingan menjalankan pemeriksaan awal sebagai langkah pencegahan kanserPengunjung mendapat maklumat yang lebih lengkap dan tepat sekaligus meningkatkan kesedaran tentang penyakit kanserPerkhidmatan UPM & CaRE dapat dipromosikan
--------------	--

Transformasi Kesehatan Wanita Ke Arah Kesejahteraan Komuniti



5) Program Transformasi Pertanian Bandaran Bersama UPM, Laman Sg. Buloh, Pasir Gudang, 2013

Tarikh	17 Mac 2013
Tempat	Laman Sg. Buloh, Pasir Gudang
Tetamu Kehormat	Yang Berhormat Dato' Seri Khalid Nordin, Menteri Pengajian Tinggi
Objektif	Memberi kesedaran dan maklumat tentang penyakit kanser melalui bahan pameran dan bacaan serta mempromosikan CaRE kepada komuniti Pasir Gudang
Golongan sasaran	Komuniti sekitar Pasir Gudang
Aktiviti	Demonstrasi pemeriksaan sendiri payudara (BSE), pameran kesedaran kanser, saringan kesihatan, promosi perkhidmatan CaRE dan pameran buku-buku terbitan CaRE
Impak	<ol style="list-style-type: none">72 orang pengunjungPengunjung mendapat maklumat yang lebih lengkap dan tepat sekaligus meningkatkan kesedaran tentang penyakit kanserPengunjung dapat mengetahui tahap kesihatan semasa melalui saringan kesihatan

Transformasi Kesehatan Wanita Ke Arah Kesejahteraan Komuniti





6) Program Ziarah Amal Ramadhan, Kuala Besut Terengganu, 2013

Tarikh	20 Julai 2013
Tempat	Pekan Kuala Besut, Terengganu
Tetamu Kehormat	Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani
